



YB Fadhlina Sidek
Menteri Pendidikan



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Pendidikan Manusiawi

MENUJU NEGARA MADANI

"Sebagai warga pendidikan yang berpandangan futuristik, kita harus sedar bahawa terdapat agenda yang lebih besar, iaitu menyediakan masa hadapan yang berkualiti kepada pewaris negara."

Penghayatan kepada inti pati Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai asas pembentukan sistem pendidikan negara perlu diutamakan. Hal ini berkait rapat dengan aspek *karamah insaniah* dalam usaha melahirkan Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC) melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti, seiring dengan hasrat kerajaan Malaysia MADANI."

"Pendidikan bukan hanya untuk meningkatkan kemahiran yang dimiliki oleh anak-anak, namun perkara yang lebih penting ialah pembangunan watak dalam diri mereka," ujar Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek ketika diwawancara oleh Sidang Editor *Dewan Masyarakat (DM)* di Blok Pentadbiran, Bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dalam memenuhi wadah perjuangan negara, telah timbul kesedaran dalam kalangan pemimpin dan masyarakat Malaysia bahawa betapa mustahaknya pendidikan dalam acuan membentuk insan. Buktinya, hampir setiap hari, setiap gerak-geri mahupun setiap perubahan yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pastinya menjadi tumpuan dan perbincangan.

Bagi rakyat, KPM umpama sebuah entiti yang menjadi nadi kehidupan. Tanpa

pendidikan nescaya sesebuah negara bukan sahaja akan mundur, malah tidak berupaya memetakan strategi pentadbiran negara dengan berkesan. Maka itu, sistem pendidikan perlu dirancang secara bersepadu bagi melahirkan generasi yang berkualiti serta sedia menerima cabaran dan perubahan dari semasa ke semasa.

Meskipun Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 yang kini berbaki dua tahun lagi dan silih berganti tampuk kepimpinannya, KPM terus komited dalam meningkatkan budaya ilmu kerana perkara tersebut merupakan sebahagian daripada elemen penting dalam membangunkan Malaysia MADANI. Pelan tersebut bukanlah semata-mata slogan retorik, namun merupakan sebuah kerangka sebagai penggerak kepada kewujudan masyarakat yang maju dan bertamadun.

Menurut beliau yang juga merupakan Ahli Parlimen Nibong Tebal, konsep MADANI yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Ke-10, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim sebenarnya bergerak seiring dengan teras pendidikan negara. Dalam memastikan KPM terus komited memberikan pendidikan yang terbaik, tujuh teras utama diperkenalkan pada 15 Disember 2022, yakni memberikan penekanan terhadap semua pemegang taruh seperti pelajar, guru dan ibu bapa.

Bagi mengupas agenda pendidikan negara dengan lebih lanjut, ikuti wawancara secara eksklusif bersama-sama pemimpin yang berlatarbelakangkan pengalaman selama 20 tahun sebagai aktivis dan juga peguam syarie, di samping mentakrifkan makna "Murid Ceria, Guru Bahagia, Sekolah Bitara dan Negara Sejahtera".

“ KPM sangat menitikberatkan pembangunan adab, akhlak dan integriti dalam usaha memastikan generasi masa depan mempunyai jati diri yang kukuh untuk menghadapi cabaran masa mendatang, seiring dengan hasrat kerajaan Malaysia MADANI. ”



DM: Apabila dilantik sebagai Menteri Pendidikan yang baharu selepas Pilihan Raya Umum ke-15 baru-baru ini, bagaimanakah YB melihat prestasi KPM setakat ini?

YB Fadhlina Sidek: Pada peringkat awal diberikan amanah untuk menerajui kementerian ini, saya sebenarnya berada dalam keadaan *khauf wa raja'*, iaitu bimbang dan mengharap. Bimbang jika saya membuat kesilapan dan berharap untuk tidak membuat kesilapan. Di bawah KPM, kita mempunyai 10 ribu buah sekolah, lima juta kanak-kanak dan lebih setengah juta guru dan pelbagai institusi lain. Saya melihat betapa besarnya kementerian ini dan kompleksnya agensi yang ada dalam kementerian ini.

Namun begitu, KPM sentiasa berada pada landasan yang betul. Pertama, KPM mempunyai kepakaran berkaitan dengan polisi dan pembuat polisi, yakni apabila ingin merujuk sesuatu perkara, mereka sentiasa mempunyai jawapan. Kedua, kepakaran dalam membuat unjuran pendidikan atau lebih dikenali sebagai inisiatif. Dengan adanya gabungan kepakaran ini dapat menjadikan KPM sebagai organisasi yang kukuh dan mampu menerajui pendidikan pada masa hadapan. Walau bagaimanapun,

saya akan melakukan pembaharuan atau penambahbaikan mengikut cara tersendiri dan yang pastinya mana-mana menteri yang menerajuinya akan membuat lonjakan berdasarkan polisi yang dibawa.

DM: Adakah YB akan mempertimbangkan dasar baharu yang lebih komprehensif demi kebaikan seluruh warga KPM?

YB Fadhlina Sidek: Setakat ini, kami masih meneruskan pelaksanaan dasar sedia ada kerana mengambil kira kedudukan negara tatkala berhadapan dengan isu ekonomi dan kos sara hidup. Namun begitu, jika perlu, penambahbaikan akan dilakukan bagi meningkatkan lagi kualiti pendidikan negara, sesuai dengan keadaan dan tuntutan semasa.

Perancangan PPPM 2013 – 2025 telah dilaksanakan dan perancangan pendidikan

pada peringkat global juga diteruskan. Malahan, perancangan Pelan Pendidikan selepas tahun 2025 perlu difikirkan dan dirancang. Pelan Hala Tuju Pendidikan berserta dengan Pelan Tindakan yang strategik akan dirangka mulai sekarang agar perjalanan sistem pendidikan tidak tergendala.

Bagi saya, dasar pendidikan digital merupakan antara perkara yang memerlukan kesegeraan dan kemudiannya beberapa dasar lain, seperti menaik taraf sekolah daif. Saya yakin bahawa dasar ini dapat memberikan manfaat yang cukup besar, khususnya dalam proses digitalisasi pendidikan dalam negara. Sebagai contoh, penyelesaian mengenai isu kekurangan guru, pemeraksanaan bahasa dan kebajikan institusi yang lain selain sekolah.



YB Fadhlina Sidek ketika diwawancara oleh Sidang Editor *Dewan Masyarakat* di Blok Pentadbiran, Bangunan Parlimen.

MURID CERIA, GURU BAHAGIA, SEKOLAH BITARA DAN NEGARA SEJAHTERA



DM: Bagaimanakah maklum balas yang diterima daripada golongan pendidik berhubung dengan konsep *karamah insaniah*, mempopularkan "Murid Ceria, Guru Bahagia, Sekolah Bitara dan Negara Sejahtera"?

YB Fadhlina Sidek: KPM sangat menitikberatkan pembangunan adab, akhlak dan integriti bagi melahirkan Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC) dalam memastikan generasi masa depan mempunyai jati diri yang kukuh untuk menghadapi cabaran masa mendatang. Teras kedua dalam Tujuh Teras Utama KPM turut memberikan penekanan terhadap aspek *karamah insaniah* bagi mewujudkan suasana harmoni yang dapat menghindari gejala negatif. Aspek ini bukan sahaja diterap dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, malah turut diterapkan dalam pembelajaran di luar bilik darjah. Oleh sebab itu, ekosistem sekolah haruslah selamat.

Dalam konteks pendidikan, konsep itu dapat membentuk modal insan yang seimbang dan cemerlang berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, serta berpegang teguh pada prinsip Rukun Negara dan ajaran agama melalui enam inisiatif atau program, iaitu Pemupukan Perpaduan Kaum, Pembudayaan Adab, Akhlak dan Integriti Murid, Integrasi Nasional dalam Pendidikan, Integrasi Nasional Merentasi Kurikulum, Penghayatan Aspirasi Rukun Negara dan Pemeraksanaan Pusat Kokurikulum Negeri.

Melalui pemerhatian dan pengamatan saya, sama ada dapatan daripada sesi libat urus, maklum balas media massa dan hasil kunjungan ke sekolah, pejabat pendidikan daerah dan perjumpaan dengan guru-guru, didapati penekanan terhadap *karamah insaniah* ini diterima dengan baik oleh semua pihak.

DM: Adakah tujuh teras KPM bersesuaian dengan konsep yang dihasratkan oleh Kerajaan MADANI?

YB Fadhlina Sidek: Formula terbaik dalam melaksanakan hala tuju kementerian adalah selari dengan hala tuju negara. Sehubungan dengan itu, pembangunan Malaysia MADANI yang ditunjangi oleh Kerajaan Perpaduan berteraskan Enam Rukun MADANI dijadikan sebagai penanda arah dalam menentukan hala tuju negara.

Secara umumnya, Malaysia MADANI merupakan panduan dan ikhtiar secara holistik sebagai dasar pentadbiran yang bersifat manusiawi. Kerangka Malaysia MADANI wajar dijadikan sebagai pemacu kejayaan masyarakat maju dan bertamadun berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan kearifan tempatan.

Maka itu, KPM menyambut baik perancangan hala tuju Malaysia MADANI dengan menggariskan Tujuh Teras Utama Nadi Keunggulan KPM. Tujuh teras inilah yang menjadi panduan KPM dalam memastikan Murid Ceria, Guru Bahagia, Sekolah Bitara dan Negara Sejahtera.

7 TERAS UTAMA KPM

1. Menjadikan komunikasi antara kementerian dengan sekolah lebih cekap dan telus.
2. Menekankan aspek *karamah insaniah* melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti.
3. Memberikan perhatian terhadap isu kemiskinan multidimensi murid daripada keluarga B40, termasuklah aspek malnutrisi, peranti dan ruang pembelajaran.
4. Memberikan perhatian terhadap isu keciciran pendidikan dan masalah literasi dan numerasi.
5. Memberikan fokus terhadap kebajikan guru.
6. Memperkukuh usaha ubah suai dan naik taraf sekolah, termasuklah bangunan daif di Sabah dan di Sarawak.
7. Meningkatkan keupayaan pendidikan digital di sekolah.



Usaha para pendidik wajar dihargai demi melahirkan insan cemerlang pada masa akan datang.

DM: Sejauh manakah perancangan KPM dalam usaha membantu keluarga yang kurang berkemampuan agar tidak tercicir daripada arus pendidikan, sekaligus dapat memantapkan diri mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah?

YB Fadhlina Sidek: KPM amat prihatin terhadap kebajikan semua murid, terutamanya golongan kurang berkemampuan dalam kategori miskin tegar, murid berkeperluan khas dan murid sekolah Orang Asli.

Secara umumnya, kemiskinan multidimensi ini menggariskan segmen kemiskinan yang pelbagai. Antaranya termasuklah murid yang miskin pendapatan; miskin peranti – digunakan untuk belajar secara digital; miskin ruang – tiada ruang untuk belajar; dan malnutrisi – kekurangan makanan seimbang dan nutrien.

Melihat kekangan tersebut, KPM mengambil inisiatif dengan melaksanakan program pengagihan makanan tambahan, termasuklah susu bawah program Rancangan Makanan Tambahan (RMT). Dari segi pembangunan, KPM turut meningkatkan infrastruktur bagi sekolah daif, selain menyediakan kemudahan akses digital dalam sesi pembelajaran.

Selain itu, KPM turut menyediakan Manual Pengurusan Pencegahan dan Intervensi Murid Cicir 2.0 (MPPIMC 2.0) sebagai panduan kepada pihak sekolah bagi mengendalikan isu murid berisiko cicir atau cicir di sekolah dalam usaha untuk memastikan mereka kekal bersekolah hingga tamat tempoh persekolahan.

Terkini, KPM telah melaksanakan pembangunan dan peluasan program Sekolah Model Khas Komprehensif Sembilan (K9) dan pelaksanaan projek rintis Sekolah Model Khas Komprehensif sebelas (K11), khususnya bagi Orang Asli dan peribumi

Manual Pengurusan Pencegahan dan Intervensi Murid Cicir 2.0

1. Objektif MPPIMC 2.0 disediakan supaya kes murid berisiko cicir dapat dikendalikan dengan sistematik melalui pendekatan kaunseling dan memberikan panduan penyelesaian dalam mengendalikan isu terbabit.
2. Program lawatan ke rumah murid atau Ziarah Cakna dilaksanakan bagi memastikan murid hadir ke sekolah dan kekal dalam sistem persekolahan. Usaha ini dapat mengenal pasti punca dan masalah yang dihadapi oleh murid secara lebih dekat, bersifat holistik dan kolektif.
3. Kerjasama sekolah bersama-sama ibu bapa dan komuniti dalam menyediakan bantuan kepada keluarga B40, seperti pemberian pakaian seragam, makanan dan barangan keperluan persekolahan.

yang tinggal di kawasan pedalaman dan kawasan terpencil, termasuklah di pulau kecil agar dapat membantu mereka mengurangkan kos perjalanan dan pengangkutan untuk menghantar anak-anak ke sekolah dan seterusnya meminimumkan kadar keciciran.

Kita sudah pun di peringkat penggubalan yang dipanggil sebagai undang-undang untuk mewajibkan kanak-kanak ini bersekolah bukan sahaja pada peringkat sekolah rendah, tetapi hingga ke sekolah menengah. Sebelum ini, dasar pendidikan mewajibkan kanak-kanak atau murid bersekolah



YB Fadhlina Sidek bersama-sama timbalannya, YB Lim Hui Ying sedang beramah mesra dengan warga KPM dalam Majlis Amanat Tahun Baharu 2023.



Jalinan kerjasama antara agensi atau kementerian lain dapat membangunkan sistem pendidikan yang komprehensif.

setakat sekolah rendah sahaja, tetapi pada kali ini, penggubalan itu akan memastikan murid habis belajar hingga ke peringkat sekolah menengah dengan memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

DM: Berhubung dengan aspek capaian Internet di Sabah dan di Sarawak, adakah KPM sedang memperbaiki usaha ke arah itu?

YB Fadhlina Sidek: Dasar pendidikan digital perlu disokong oleh infrastruktur dan ekosistem yang lengkap. Jalinan kerjasama antara agensi atau kementerian lain sangat diperlukan bagi membangunkan sistem pendidikan yang komprehensif.

Berikutan itu, KPM dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Digital sedang giat memastikan infrastruktur itu dipersiapkan dan dilengkapkan supaya tidak timbul lagi isu sebegitu. Komitmen kita adalah untuk menyiapkan murid dan guru yang fasih digital, kemudiannya mempunyai teras dalam dasar pendidikan.

KPM telahpun menyediakan pelantar DELIMA dan pelantar digital lain bagi memudahkan urusan semua pihak. Sistem pendidikan negara pastinya bergerak ke arah yang lebih baik dan KPM akan memastikan seluruh pelosok dan ceruk anak-anak kita ini mendapat akses Internet.

DM: Sambutan Hari Guru semakin dilupakan oleh generasi muda, terutamanya selepas negara berdepan dengan pandemik COVID-19. Apakah pandangan YB?

YB Fadhlina Sidek: KPM sebagai kementerian yang menjaga kebajikan guru pastinya cakna akan sambutan Hari Guru yang merupakan istimewa yang perlu diberikan perhatian kerana dianggap sebagai penghormatan terhadap keilmuan, etika dan integriti yang dibawa bersama-sama dalam



YB Fadhlina Sidek mengadakan lawatan kerja untuk berjumpa dengan guru bagi mengetahui isu yang berbangkit di sekolah.

perjalanan kehidupan sebagai pendidik anak bangsa. Sambutan Hari Guru sebenarnya berkait rapat dengan ekosistem pendidikan itu sendiri. Kita perlu melihat dalam konteks yang lebih luas dan besar, yakni tidak tertumpu kepada guru sahaja, tetapi juga melibatkan murid, ibu bapa dan komuniti.

Penularan wabak COVID-19 banyak mengehadkan pelaksanaan acara sambutan yang telah dirancang, termasuklah sambutan Hari Guru. Pada tahun 2020 dan 2021, iaitu sambutan hanya dilakukan secara sederhana dengan penyampaian anugerah kepada para pendidik yang telah banyak menabur jasa dan bakti dalam dunia pendidikan.

KPM menetapkan mulai tahun ini sambutan Hari Guru hanya dilaksanakan pada peringkat



kebangsaan dan sekolah. Sambutan boleh diadakan dan diraikan dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta (PIBKS) mengikut kesesuaian dengan memberikan penekanan kepada konsep *karamah insaniah* dalam kalangan murid dan ibu bapa sebagai tanda penghargaan kepada jasa guru.

KPM melalui surat pemakluman berhubung dengan Pelaksanaan Sambutan Hari Guru Tahunan Peringkat Kebangsaan dan Sekolah bertarikh 15 Mac 2023, memaklumkan bahawa sebagai tanda penghargaan kepada guru yang cemerlang, anugerah guru boleh diberikan oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah melalui majlis ilmu yang bersesuaian pada peringkat masing-masing. Anugerah Tokoh Guru Peringkat Kebangsaan pula akan tetap disampaikan dalam sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan pada 16 Mei setiap tahun.

Pendekatan baharu ini dibuat demi menjaga kebajikan guru selaras dengan langkah ke arah kesejahteraan guru yang

diumumkan oleh KPM. Dengan inisiatif ini, jasa dan pengorbanan guru masih dapat terus dihargai tanpa memberikan tekanan dan beban tugas tambahan untuk guru terlibat dengan pengurusan sambutan majlis pada peringkat daerah dan negeri.

DM: Bagaimanakah dengan isu beban tugas guru yang diperkatakan sejak dahulu?

YB Fadhlina Sidek: Di peringkat KPM, sesi libat urus berkaitan dengan beban guru dilaksanakan sebagai satu daripada langkah awal untuk melihat, mengkaji dan menangani beban yang dihadapi. Kita harus melihat keseluruhan ekosistem perguruan ini yang disebut sebagai *The Well-Being of the Teachers*, iaitu kesejahteraan guru dan isu kesihatan mental. Di samping itu, kita akan memastikan guru sampai ke satu peringkat yang inovatif dalam konteks dasar pendidikan digital nanti. Inisiatif ini tidaklah berhenti setakat tujuh teras utama itu sahaja, namun terdapat langkah lain yang akan di ambil

kira mengikut keadaan dan keperluan semasa demi menjaga kesejahteraan keseluruhan guru.

DM: Sebanyak RM900 juta diperuntukkan kepada KPM untuk mengatasi masalah sekolah daif dalam Belanjawan 2023 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim. Adakah peruntukan ini mencukupi untuk sekolah di Semenanjung serta di Sabah dan di Sarawak?

YB Fadhlina Sidek: Berdasarkan Belanjawan 2023, KPM telah diperuntukkan di bawah perbelanjaan pembangunan sejumlah RM5.69 bilion. Peruntukan ini meliputi keperluan perbelanjaan melibatkan pelaksanaan sebanyak 1950 projek fizikal, iaitu pembinaan sekolah dan bukan fizikal yang merangkumi pembangunan sistem teknologi maklumat dan komunikasi, perolehan peralatan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), perolehan peralatan Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) dan perolehan tanah untuk tujuan pendidikan.



Bagi pelaksanaan projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah, KPM diperuntukkan sebanyak RM920 juta bagi membiayai keperluan pelaksanaan sebanyak 388 butiran melibatkan projek baharu dan sambungan di seluruh negara. Keperluan peruntukan ini untuk menampung pembayaran kemajuan kerja dan perbelanjaan lain yang telah ditetapkan di bawah projek tersebut.

KPM dan agensi sentiasa memantau kemajuan dan keperluan peruntukan dari semasa ke semasa.

DM: Apakah harapan YB dalam memastikan institusi pendidikan negara terus berada dalam keadaan yang harmoni?

YB Fadhlina Sidek: KPM merupakan pemegang taruh terbesar kepada lebih 30 juta rakyat Malaysia. Antara perkara penting yang perlu diberikan perhatian, termasuklah menjadikan KPM sebagai sebuah entiti yang menerajui pelbagai dimensi. Kita bukan melihat kecemerlangan dari sudut akademik semata-mata. Oleh sebab itu, kita sudah berada dalam satu landasan yang cukup berbeza, iaitu tidak lagi berorientasikan peperiksaan, tetapi berasaskan pentaksiran. Pentaksiran ini dapat diadili secara holistik kepada

anak-anak kerana mampu membangunkan potensi, bakat dan kelebihan yang dimiliki oleh mereka.

Saya setuju apabila Ketua Pengarah Pendidikan, Dato' Pkharuddin Ghazali melancarkan ABC. Anak-anak kita ini tidak sama. Mereka mempunyai bakat yang berbeza-beza. Menyedari itu, pentaksiran membolehkan mereka menjadi satu generasi yang mewakili ABC ini, iaitu Anak yang Baik lagi Cerdik. Kita tidak mahu lagi mereka dijadikan sebagai bahan uji kaji dengan agenda yang tidak tahu akan kepastiannya kerana bertukarnya kepimpinan politik negara.

Tidak dinafikan bahawa saya masih menerima persoalan daripada kebanyakan ibu bapa. Mereka bertanya saya, "Bilakah peperiksaan akan diwujudkan kembali?" Perlu disedari bahawa mereka harus diberikan ruang dan peluang untuk mencapai ekosistem pendidikan yang jitu, khususnya memenuhi keperluan dalam dunia digitalisasi ini. Oleh itu, hala tuju pendidikan negara kini adalah untuk memperkukuh anak yang berwatak melalui pendidikan karakter dan juga menerajui ABC, di samping mengangkat pendidikan manusiawi menuju ke arah negara MADANI. □

“ Kita sudah berada dalam satu landasan yang cukup berbeza, iaitu tidak lagi berorientasikan peperiksaan, tetapi berasaskan pentaksiran. ”